

01 NOV 2001

Bahrain-kenyataan

BAHRAIN HARGAI SOKONGAN KL KEPADA PERJUANGAN ARAB

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Bahrain Shaikh Khalifa bin Salman Al Khalifa amat menghargai peranan Malaysia yang penting dan berkesan untuk Islam dan di peringkat antarabangsa.

Dalam satu kenyataan di akhir lawatan dua harinya ke Malaysia hari ini, pemimpin Bahrain itu berkata beliau juga menyanjung sokongan padu Malaysia terhadap perjuangan Arab.

"Kami bangga melihat pencapaian hebat oleh Malaysia di bidang ekonomi dan sosial yang hanya boleh dinikmati hasil kesungguhan rakyatnya dan kepimpinannya yang bijaksana dan berwawasan," katanya.

Shaikh Khalifa berkata dua perjanjian yang dimeterai semasa lawatannya itu akan membantu mengukuhkan lagi hubungan kedua-dua negara khususnya di sektor minyak dan ekonomi.

Kuala Lumpur dan Manama menandatangani dua memorandum persefahaman (MoU), satu mengenai penubuhan Pusat Perdagangan dan Pengedaran Malaysia di Bahrain dan satu lagi mengenai pembangunan sistem perbankan dan kewangan Islam.

Kedua-dua MoU itu ditandatangani oleh Shaikh Khalifa dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Petronas pula memeterai dua perjanjian dengan kerajaan Bahrain mengenai usaha mencari gali dan berkongsi pengeluaran minyak di dua kawasan luar pesisir di Bahrain.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir Mohamad kerana sambutannya yang mesra dan ini adalah bukti kepada hubungan dan semangat persaudaraan yang rapat antara rakyat dan negara kita," katanya.

-- BERNAMA

MAM AHH MAI